



KENYATAAN MEDIA
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA BAHAGIAN BINTULU

16 JULAI 2021

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) BAHAGIAN BINTULU

BINTULU: Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian (JPBBB) Bintulu memutuskan untuk melonggarkan syarat kemasukan ke Bahagian Bintulu.

Individu yang lengkap dua dos vaksin Covid-19 dua minggu dan ke atas akan dikecualikan daripada ujian calitan wajib sebelum memasuki Bahagian Bintulu (Permit Polis diperlukan).

Manakala, bagi individu yang belum lengkap dos suntikan vaksin atau belum mencukupi tempoh dua minggu daripada tarikh terakhir menerima dos kedua vaksin, mereka PERLU ujian saringan Covid-19 (rT-PCR) tiga (3) hari sebelum pergerakan masuk Bahagian Bintulu. (Permit Polis diperlukan)

Orang ramai, bagaimanapun, diingatkan agar tidak mengambil kesempatan serta mementingkan diri terhadap kelonggaran prosedur operasi standard (SOP) terutama rentas Daerah atau Bahagian menggunakan keistimewaan dos kedua vaksin ekoran kita masih dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pada masa yang sama, kita perlu berhati-hati dengan varian baharu Covid-19 yang dilaporkan di Sarawak.

.....bersambung

Selain itu, Restoran, Kedai Makan, Gerai Makan, Kenderaan Bersaji (Food Truck), Penjaja Tepi Jalan, Penjaja Beredar, Medan Selera, Pusat Penjaja, Gerai Makan Tepi Jalan atau Kiosk DIBENARKAN beroperasi mengikut SOP yang telah digariskan dengan waktu operasi dari 6.00 pagi hingga 9.00 malam berkuatkuasa mulai hari ini, 16 Julai 2021.

Keputusan ini dibuat selepas perbincangan secara virtual dengan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak, pagi tadi selaras dengan fasa kedua Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Pihak kami sedang berusaha sedaya upaya untuk mendengar rintihan rakyat, membuat beberapa penilaian terhadap nasib rakyat terutama yang berada dalam sektor ekonomi.

Lindung Diri. Lindung Semua

- TAMAT -